

# Skuad renang ungguli sirkit Masum

**KUANTAN** ( 17 dan 28 Ogos) - Pasukan renang Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi Juara Keseluruhan dengan memungut sepuluh pingat Emas, dua Perak dan lapan Gangsa dalam Kejohanan Renang Sirkit MASUM 2, 2005 yang diadakan di Kolej Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia dekat sini.

Menurut Ketua kontingen UPM iaitu Mohamad Nizam Nazarudin,

walaupun sirkit kali ini hanya menuarkan seorang perenang lelaki tetapi UPM masih terus menjadi juara. Sebahagian besar perenang lelaki tidak dapat mengambil bahagian kerana menghadapi periksaan.

"Ooi Chiew Wei merupakan perenang wanita paling menyerlah dengan 8 pingat emas beserta 4 rekod baru kejohanan. Bagi kategori lelaki pula Jackson Hong Seow Yuen pula

memperolehi 1 pingat emas dan 1 gangsa," katanya lagi.

Lebih membanggakan, semua perenang UPM layak ke sirkit Master di USM. Pasukan UPM begitu optimis dapat memperoleh lebih pingat emas dan mencatat rekod baru pada sirkit akhir di USM itu. Unit Sukan & Rekreasi BHEM UPM akan terus membantu persiapan pasukan renang agar memperoleh kejayaan yang gemilang.